



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 9/1980**

**Penyerahan Balik Tanah untuk Jalan Masuk (Means Of Access)  
Dalam Kes Pecah Sempadan**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 9/1980**

**Penyerahan Balik Tanah untuk Jalan Masuk (*Means Of Access*)  
Dalam Kes Pecah Sempadan**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai amalan meminta tuan punya tanah yang memohon untuk memecah sempadan tanahnya supaya menyerahkan balik sebahagian daripada tanahnya untuk jalan masuk (*means of access*) mengikut kehendak seksyen 200 Kanun Tanah Negara.

2. Pentadbir Tanah hendaklah ambil perhatian di bawah seksyen 136(2)(a)(ii) Kanun Tanah Negara tuan punya mestilah memberi persetujuan di dalam permohonannya bahawa tanah yang dikehendaki untuk jalan masuk akan dianggap sebagai telah diserahkan balek kepada Pihak Berkuasa Negeri. Tetapi di bawah seksyen 136(2)(b)(i) Kanun Tanah Negara, tuan punya boleh menyatakan persetujuan demikian dalam permohonannya. Dengan adanya persetujuan itu maka tuan punya tidaklah dikehendaki lagi membuat penyerahan balek menurut seksyen 200 Kanun Tanah Negara dan tanah untuk jalan masuk itu akan menjadi tanah kerajaan selepas sahaja hakmilik-hakmilik sambungan didaftarkan bagi bahagian-bahagian pecah sempadan itu.

3. Adalah dinasihatkan bahawa amalan yang berkehendakkan tuan punya yang memohon untuk memecah sempadan membuat permohonan menyerahkan balik kawasan tanah untuk jalan masuk hendaklah diberhentikan.

**NASARUDDIN BIN BAHARI,  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

P.T TM 183/71 SK1(4)  
Kuala Lumpur  
19 Januari 1980